

PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA *BLENDED LEARNING* DI JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Suzana Binti Baharudin¹, Raman Bin Ibrahim²

¹Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

²Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,
Politeknik Merlimau, Melaka

suzana@pmm.edu.my, raman@pmm.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau. Seramai 45 orang responden telah dipilih bagi menjawab borang soalselidik yang telah diedarkan. Data ini diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 20.0*. Melalui purata skor min yang di perolehi iaitu 3.32 menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* masih berada di tahap yang sederhana. Untuk meningkatkan penggunaan *blended learning* ke tahap yang tinggi, pihak pengurusan Politeknik Merlimau perlu mengatur strategi baru sesuai dengan perkembangan pendidikan negara, dengan itu ia dapat melibatkan semua pensyarah menggunakan *blended learning* sebagai medium kedua pembelajaran di politeknik. Penambahbaikan dari segi polisi pelaksanaan, latihan serta infrastruktur peralatan serta ganjaran yang setimpal adalah diperlukan bagi memperkasakan penggunaan kaedah *blended learning* di dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Katakunci: Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran, *Blended Learning*, Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau

1.0 Pengenalan

Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi sangat komited dalam agenda Pelan Transformasi Politeknik yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2010. Salah satu teras objektif Agenda Transformasi Politeknik yang dirangka sepanjang tahun 2009 sehingga 2020 adalah pemerkasaan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi (Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia, Halatuju Transformasi Politeknik, 2010)

Jika dilihat sebelum ini, proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi adalah menggunakan kaedah tradisional. Melalui pola pengajaran ini, graduan yang dihasilkan adalah pasif dan terlalu menunggu suapan dari tenaga pengajar mereka (*spoon-feed*). Menurut kajian dari Noriah et al (2002), menyatakan bahawa kaedah tradisional yang diamalkan oleh pensyarah akan menghadkan pembelajaran dan kemampuan pelajar untuk mendapat

ilmu yang banyak. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran digunakan itu perlu diubah, natiujahnya akan memberi implikasi yang bukan sedikit kepada pembangunan negara. Oleh itu dengan adanya kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* ini dapat melonjakkan imej pensyarah politeknik menjelang abad ke 21.

Pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* di Politeknik Merlimau amatlah bertepatan dan selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk terus memperkukuhkan aspek pendidikan negara. Dengan harapan besar ini, warga politeknik terutamanya pensyarah menggalas tugas yang sangat mencabar untuk meningkatkan kualiti pendidikan di politeknik. Sehubungan itu, pensyarah Politeknik Merlimau perlu sentiasa peka dan responsif dengan tuntutan semasa. Bagi melahirkan graduan politeknik yang berkualiti dan sentiasa relevan dengan kehendak industri, para pensyarah perlu berupaya menawarkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. (Abd Karim, 2015)

Blended learning merujuk kepada pembelajaran yang mempunyai campuran pendekatan mod *online* dan mod pembelajaran bersemuka (*face to face*) dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara *online* sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka. Konsep *blended learning* yang diamalkan di Politeknik Merlimau akan memberi fokus kepada pedagogi yang selaras dengan kehendak Dasar e-Pembelajaran Negara dan Pendidikan abad ke -21. (Zainal Azhar, 2014)

Jabatan Pengajian Politeknik telah menetapkan bahawa 50% dari kursus yang dianjurkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mestilah berlaku secara atas talian menggunakan pendekatan *blended learning*. Pelaksanaan ini bermula dari tahun 2014 seperti mana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Amalan Terbaik Konsep Pembelajaran Teradun bagi Politeknik-Politeknik Malaysia. Ianya juga telah diolah dengan mengambil kira keistimewaan politeknik sebagai institusi Pengajian Teknikal Dan Latihan Vokasional (*Technical Vocational Education Training-TVET*). Jabatan Pengajian Politeknik juga telah menyediakan platform melalui Pentadbiran Sistem Pengurusan (LMS) bagi menjayakan e-pembelajaran iaitu *Curriculum Information Document Online System (CIDOS)*. Oleh itu kajian ini di lakukan untuk melihat sejauhmanakah tahap pelaksanaan PnP secara *blended learning* di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau.

1.1 Objektif Kajian

Mengkaji senario tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara *blended learning* di kalangan pensyarah di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau

2.0 Sorotan Kajian

Melalui surat edaran pelaksanaan dasar dan prinsip e-pembelajaran politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT/JPP/BPPK(D)/02(5) bertarikh 6 Disember 2012 *mod blended* atau pembelajaran teradun yang di gunakan adalah kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod *online* dan mod pembelajaran bersemuka *onsite* dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara *online* sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka. (MdNor, 2012)

Menurut Zaharah (2015) konsep *blended learning* ini ialah pencampuran model pembelajaran konvensional dengan belajar secara *online*. Pelajar perlu sentiasa aktif dan dapat menemukan cara belajar yang sesuai bagi dirinya. Pensyarah hanya berfungsi sebagai mediator, fasilitator dan teman yang membuat situasi yang kondusif untuk terjadinya proses PnP. *Blended learning* ini akan memperkukuhkan model belajar secara konvensional melalui pengembangan teknologi pendidikan. *Blended Learning* berasal dari kata *Blended* dan *Learning*. *Blend* membawa maksud campuran dan *Learning* bermaksud belajar.

Penggunaan alat media dan telekomunikasi seperti sistem komputer perlu dijadikan "teras" dalam sistem penyampaian ini, tetapi dengan tidak mengetepikan faktor pensyarah atau guru sebagai pendidik dan pembimbing yang terpenting. Pendekatan-pendekatan melalui teknologi maklumat ini seperti pendidikan jarak jauh, *video conferencing* dan rangkaian internet perlu sentiasa di sokong dan di pertingkatkan terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi (Hussein, 2001). Sementara itu menurut Farahiza (2010) menerusi kajian di Kolej Universiti Insaniah, proses PnP adalah satu proses evolusi di mana ianya tidak akan pernah berakhir. Kemunculan teknologi komputer dan lain-lain teknologi seperti penggunaan kaedah *blended learning* menjadikan proses tersebut lebih dinamik.

Bagi menyampaikan sesuatu isi pengajaran dengan berkesan, pensyarah mestilah memikirkan tentang kaedah pengajaran yang akan digunakan. Penggunaan kaedah pengajaran yang bijak akan menjamin kelicinan dan keberkesanan penyampaian sesuatu mata pelajaran, malahan ia akan menjadi sesuatu pelajaran itu lebih bermakna dan menyeronokkan pelajar (Abdul Ghafar, 2003).

Sementara itu Norhayati (2010), menjelaskan cabaran dalam bidang pendidikan wujud dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah teknologi internet yang sinonim dengan gaya hidup generasi X, Y dan Z. Menurut beliau Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) telah dirangka bagi memastikan visi Kementerian iaitu Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Dan Negara Sejahtera dapat direalisasikan. Di dalam transformasi pendidikan negara, terdapat sepuluh lonjakan yang akan dilaksanakan dimana lonjakan ke sembilan adalah pembelajaran dalam talian secara global dan lonjakan ke sepuluh pula adalah penyampaian pendidikan yang di transformasi. Pelan ini dirangka sejajar dengan hasrat kementerian untuk memberi autonomi kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam menguruskan proses pembelajaran pelajar masing-masing.

3.0 Metodologi

Berikut adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian yang dijalankan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk deskriptif. Pendekatan diguna pakai bagi mendapatkan data yang diperlukan melalui instrumen kajian iaitu soal selidik. Melalui kaedah ini, ianya dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data yang diperolehi. Semasa menjalankan kajian, pengkaji menggunakan borang soal selidik dengan harapan dapat mengumpul maklumat dengan cepat dan mendapat gambaran yang mendalam tentang permasalahan kajian. Responden hanya perlu menyatakan keadaan sebenar berpandukan soalan yang disediakan.

3.2 Sumber Data

Populasi bagi kajian ini terdiri dari semua pensyarah di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau. Oleh kerana jumlah populasi adalah kecil bilangannya penyelidik mengambil saiz populasi sebagai sampel kajian. Seramai 45 orang responden telah dijadikan sampel kajian. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data dari sampel ialah melalui soal selidik

3.3 Alat Kajian dan Tatacara Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk tujuan mengumpulkan data kuantitatif responden. Instrumen berbentuk soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk dianalisis. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian I mengumpul maklumat responden dan Bahagian II mengumpul maklumat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* di mana sebanyak 10 soalan telah dikemukakan kepada responden. Responden akan menjawab dengan menggunakan 5 Skala Likert (Jadual 1).

Jadual 1 : Markah, Skala Likert Dan Pernyataan

Markah	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Sebelum kajian sebenar dibuat, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap soal selidik yang disediakan. Kajian ini adalah bertujuan menentukan kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan di samping memperbetulkan mana-mana kesalahan yang terdapat dalam soalan tersebut.

Bagi tujuan ini seramai 20 orang pensyarah dari Jabatan Perdagangan dijadikan sampel. Merujuk kepada Mohd Salleh dan Zainuddin (2003), mereka menyatakan sekiranya nilai alpha atau pekali kebolehpercayaan kurang daripada 0.6 maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Oleh yang demikian rombakan perlu dilakukan pada instrumen sehingga pekali kebolehpercayaan mencapai sekurang-kurangnya nilai 0.75.

Menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian rintis perlu dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar kerana memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Di dalam kajian ini kebolehpercayaan soal selidik atau nilai *alpha cronbach* yang diperolehi adalah 0.908. Ini membuktikan bahawa soalan soal selidik dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), kebolehpercayaan yang tinggi mempunyai nilai *alpha cronbach* melebihi 0.80.

3.4 Kajian Sebenar

Kajian sebenar dijalankan pada bulan Ogos 2015 dan responden kajian terdiri daripada semua pensyarah di Jabatan Perdagangan di Politeknik Merlimau. Penyelidik memperuntukkan tempoh yang bersesuaian untuk menjawab kesemua item yang dikemukakan. Kelonggaran masa turut dipertimbangkan supaya peserta dapat menjawab dengan selesa dan tenang.

3.5 Skop Dan Kepentingan Kajian

Responden kajian terdiri dari 45 orang pensyarah di Jabatan Perdagangan sahaja. Tumpuan kajian adalah untuk mengkaji senario tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara secara *blended learning* di kalangan pensyarah. Kajian ini dapat memberi kepentingan kepada pensyarah dan pengurusan tertinggi Politeknik Merlimau

3.6 Analisis Data

Data ini di analisis dengan menggunakan perisian komputer *SPSS (Statistical Package for the Social Science for Microsoft Windows Release 20.0)*. Menurut Zulkarnain & Hishamudin, (2003) *SPSS* menjadikan pilihan ramai penyelidik memandangkan operasinya yang mudah digunakan untuk menyediakan analisis statistik yang bersesuaian dengan keperluan penyelidik dalam sains sosial.

Selain itu, penyelidik menggunakan pengiraan skor min, nilai kekerapan dan peratusan bagi menganalisis data yang dikumpul. Menurut Uma (1992), pengiraan kecenderungan memusat termasuklah min, medium, mod dan pergiraan serakan adalah sisihan piawai dan varian. Proses pengiraan yang dilakukan juga telah menghasilkan nilai min bagi sesuatu kumpulan responden berkait sesuatu aspek yang dikaji. Jika nilai min berada di antara 1 hingga 2.40, bermakna tahap pelaksanaan PnP secara *blended learning* berada pada tahap yang sangat lemah. Jika nilai minnya pula berada diantara 2.41 hingga 3.80, tahap pelaksanaan adalah sederhana. Manakala jika nilai minnya berada di antara 3.81 hingga 5, pelaksanaan PnP secara *blended learning* dianggap mempunyai tahap yang tinggi.

Jadual 2 : Tahap Pengukuran Min

Pernyataan	Keputusan
Lemah	1.00 - 2.40
Sederhana	2.41 - 3.80
Tinggi	3.81 - 5.00

(Adaptasi daripada Landell, 1997 dalam Noor Suraini, 2000)


4.0 Keputusan Dan Perbincangan

Berikut adalah keputusan dan perbincangan hasil kajian

4.1 Analisis Latarbelakang Responden

Rajah 1 menunjukkan analisis latarbelakang responden berdasarkan jantina, umur dan gred jawatan

Rajah 1 : Analisis Latarbelakang Responden



4.2 Analisis Pembolehubah Tahap Pelaksanaan

Jadual 3 menunjukkan min skor bagi pembolehubah tahap pelaksanaan pensyarah; keseluruhannya skor min bagi tahap pelaksanaan adalah sederhana iaitu 2.89 hingga 3.61. Skor min yang tertinggi adalah item 6; rungutan pelajar untuk mendapatkan akses terhadap *blended learning*. Nilai min purata adalah 3.32; ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya pensyarah yang terlibat mempunyai tahap pelaksanaan terhadap PnP secara *blended learning* adalah sederhana. Peratus keseluruhan responden yang memberikan pendapat setuju dan sangat setuju adalah sebanyak 43.0%

Jadual 3: Analisis Min Bagi Pembolehubah Tahap Pelaksanaan

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1	Telah mengaplikasikan <i>blended learning</i> untuk semua kursus yang diajar	3	10	24	7	1	2.89	Sederhana
		7%	22%	53%	16%	2%		
2	Penilaian kerja kursus mudah dilaksanakan dengan menggunakan <i>blended learning</i>	4	7	23	9	2	2.96	Sederhana
		9%	16%	51%	20%	4%		
3	Bahan pengajaran mudah di <i>upload</i> di dalam CIDOS	2	7	12	20	4	3.40	Sederhana
		4%	15%	27%	45%	9%		
4	Penggunaan kaedah <i>blended learning</i> dapat menjimatkan masa dan kos	1	5	13	21	5	3.57	Sederhana
		2%	11%	29%	47%	11%		
5	Penggunaan CIDOS adalah <i>complicated</i> dan menyukarkan proses <i>blended learning</i>	1	11	17	11	5	3.20	Sederhana
		2%	24%	38%	24%	12%		
6	Pelajar sering merungut untuk mendapatkan "akses" terhadap <i>blended learning</i>	2	5	11	19	8	3.61	Sederhana
		4%	11%	25%	43%	17%		
7	Kemudahan yang disediakan oleh pihak PMM dapat merangsang proses <i>blended learning</i>	3	7	22	11	2	3.03	Sederhana
		7%	16%	49%	24%	4%		
8	Mengalami gangguan talian internet semasa melaksanakan <i>blended learning</i>	1	5	16	14	9	3.57	Sederhana
		2%	11%	36%	31%	20%		

9	Akses kepada CIDOS sangat perlahan	1	9	12	14	9	3.46	Sederhana
		2%	20%	26%	32%	20%		
10	Kerap menggunakan platfom lain selain CIDOS untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran	2	4	17	14	8	3.51	Sederhana
		4%	9%	38%	31%	18%		
Reratusan, Skor Min dan Tafsiran		4.3%	15.5%	37.2%	31.3%	11.7%	3.32	Sederhana

SKALA LIKERT

N=45

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Hasil kajian juga membuktikan bahawa pelaksanaan kaedah *blended learning* melalui CIDOS ini sering mendapat rungutan dari pensyarah dan pelajar kerana akses yang lemah serta sering mengalami gangguan talian internet. Oleh yang demikian, satu tindakan menambahbaik infrastruktur dan sistem maklumat perlu dilaksanakan bagi membantu pensyarah dan juga pelajar untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning*. Infrastruktur yang ditambahbaik ini dapat merangsang kreativiti pelajar dan pensyarah. Sementara itu bilangan responden yang bersetuju bahawa kaedah PnP secara *blended learning* ini dapat menjimatkan masa dan kos juga adalah tinggi.

Satu kajian tentang ciri-ciri amalan berkesan pembelajaran pada abad ke-21 yang menekankan ciri-ciri amalan pedagogi inovatif pendidik yang akan membawa pembaharuan terhadap pembelajaran telah dijalankan oleh Law, Lee, & Chow (2002). Dapatan kajian beliau membuktikan pelajar bersikap lebih positif di mana mereka berupaya mempelajari kemahiran literasi maklumat dengan menggunakan internet, berupaya untuk berfikir secara kritis, belajar dari pelbagai sumber serta berupaya belajar dari komuniti mereka dengan saling menghormati idea di antara satu sama lain.

Sementara itu menurut kajian yang dilaksanakan oleh Faridah Jamil (2013) yang bertajuk kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar Politeknik Kementerian Pengajian menyentuh tentang kemudahan internet di Politeknik Merlimau. Menurut hasil kajian beliau faktor halangan seperti kemudahan internet di Politeknik tidak mencukupi, akses kepada *e-learning* yang perlahan dan sering mengalami gangguan talian internet menjejaskan kesediaan pelajar menggunakan *e-learning*. Komitmen dari pihak pengurusan politeknik untuk mengatasi kelemahan tersebut agar motivasi pelajar berada pada tahap yang tinggi. Bagaimanapun, pelajar bersetuju bahawa galakan daripada pensyarah meyakinkan mereka menggunakannya sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Mohd Nihra e.t al,(2007) yang menyatakan bahawa peranan pensyarah amat penting dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan *e-learning*. Pelajar mendapati bahan pengajaran yang dimuat naik di dalam *e-learning* oleh pensyarah membantu mereka mempelajari sesuatu kursus secara sendiri dan menjimatkan kos apabila melaksanakan penilaian seperti tugas, kuiz, ujian dan laporan amali. Oleh yang demikian semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan kejayaan pelaksanaan pengajaran secara *blended learning* di Politeknik Merlimau

4.3 Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekekapan Peratusan Skala Likert

Jadual 4 dan Rajah 2 menunjukkan ringkasan analisis purata item soalan berdasarkan kekekapan peratusan skala likert

Jadual 4: Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekekapan Peratusan Skala Likert


ITEM SOALAN	TAHAP	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
Pembolehkan Pelaksanaan	Tahap	4.3%	15.5%	37.2%	31.3%	11.7%	3.32	Sederhana

SKALA LIKERT

N=45

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Rajah 2 : Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekekapan Peratusan Skala Likert



5.0 Kesimpulan

Purata min keseluruhan bagi tahap pelaksanaan bagi PnP secara *blended learning* di kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau adalah sederhana iaitu 3.32. Untuk meningkatkan penggunaan *blended learning* ke tahap yang tinggi, pihak pengurusan Politeknik Merlimau khususnya Jabatan Perdagangan perlu mengatur strategi baru sesuai dengan perkembangan pendidikan negara seperti menaiktaraf infrastruktur sistem maklumat dan mempelbagaikan *platform* selain CIDOS untuk memperkembangkan kreativiti pensyarah dan pelajar. Peruntukan latihan serta ganjaran yang menarik diperlukan bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning*. Secara kesimpulannya semua pihak perlu komited dan saling bekerjasama untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran secara *blended learning* dapat di laksanakan dengan baik.

Rujukan

- Abidin, Z. A. (2014). *Garis panduan amalan terbaik konsep pembelajaran teradun bagi Politeknik-Politeknik Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pengajian Politeknik.
- Ahmad, P. H. (2011). *Tujuh Strategi Utama Tingkatkan Kecemerlangan Pendidikan*. Utusan Malaysia.
- Alias, P. A. (2015). *Kesedaran dan pendedahan berkaitan pengajian dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Azizan, F. Z. (2010). *Blended learning in higher institution in Malaysia. Regional conference on knowledge integration in ICT*.
- Halatuju Transformasi Politeknik. (2009). Selangor: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan (5 ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Law, L. a. (2002). *Practice characteristics that lead to 21st century learning outcomes. Journal of computer assisted learning, 18, 415-426*.
- Md.Som, Z. d. (2005). *Panduan mudah analisis data menggunakan SPSS Windows*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Mohamed, P. M. (2015, Februari 15). *Transformasi pendidikan negara: Cabaran baharu dalam suasana pembelajaran masa kini*. KOSMO.
- Najib, M. (1999). *Kajian berbentuk tinjauan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nor, A. M. (2011). *Dasar e-pembelajaran negara (DEPAN)*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Norazean, N. d. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. 1st International Malaysian Educational Technology Convention*.

- Retas, F. B. (2014). Kesiapan penggunaan e-learning di kalangan pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. 5.
- Sekaran, U. (2002). *Research method for business-A skill building approach* (4 ed.). Wiley.
- Taib, M. S. (2014). eDOLA 2014 uji kreativiti pelajar. Utusan Malaysia.
- Yusof, M. B. (2012, Disember 6). Surat edaran pelaksanaan dasar dan prinsip e-pembelajaran politeknik. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Zaharah Hussin, S. S. (2015). Kajian model blended learning dalam jurnal terpilih. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Zainudin, M. S. (2003). *Nilai alpha atau pekali kebolehppercayaan*.

IMPAK BEKERJA SAMBIL BELAJAR DI KALANGAN PELAJAR KURSUS SECARA SAMBILAN DI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Faezah Kamisan¹, Hamidah Abd. Latiff², Suzana Baharudin³

¹Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

²Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

³Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

faezah@pmm.edu.my, hamidah@pmm.edu.my, suzana@pmm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji impak bekerja sambil belajar di kalangan pelajar Kursus Secara Sambilan di Politeknik Merlimau. Seramai 50 orang responden telah dipilih secara rawak daripada keseluruhan pelajar yang mengambil Kursus Secara Sambilan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti impak dari tiga aspek yang utama iaitu pengurusan masa, pengurusan diri serta corak kehidupan sosial responden. Sumber kajian terdiri dari data primer dan sekunder. Borang soalselidik telah diedarkan kepada responden untuk memperolehi maklumat kajian. Data ini diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 20.0*. Hasil dapatan kajian menunjukkan purata skor min yang diperolehi oleh ketiga-tiga objektif berada di tahap yang sederhana iaitu 3.71 untuk pengurusan masa, 3.70 bagi pengurusan diri serta 3.36 untuk kehidupan sosial. Ini bermakna impak bekerja sambil belajar terhadap pengurusan masa, diri dan corak kehidupan sosial masih berada di tahap yang sederhana. Oleh yang demikian untuk mencapai kecemerlangan di dalam akademik setiap pelajar perlu bijak menguruskan diri, masa dan aktiviti sosial. Harapan daripada kajian ini agar dapat mendorong lebih ramai pekerja yang sedang bekerja di organisasi untuk meneruskan niat menyambung pelajaran tanpa adanya rasa ragu-ragu tentang impak negatif yang bakal di terima.

Katakunci: Impak bekerja sambil belajar, pelajar Politeknik Merlimau